

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN
[JERANTUT]**

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

Ir. Ts. Haji Khairil Nizam Bin Khirudin [Jerantut] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah proaktif Kerajaan bagi mengawal lonjakan harga tiket tambang penerbangan terutama menjelang musim perayaan bagi laluan domestik, dan apakah jaminan Kerajaan supaya perkara seperti ini tidak berlaku kelak dan sekali gus meringankan bebanan rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Saya mohon izin untuk menjawab soalan Yang Berhormat Kudat bersekali dengan Yang Berhormat Padang Terap, Yang Berhormat Kinabatangan dan Yang Berhormat Arau yang bertarikh 12 Jun 2023 kerana pertanyaan adalah mengenai isu yang sama.
2. Sebagai sebuah Kerajaan yang berteraskan Malaysia Madani, Kementerian Pengangkutan memandang serius akan keluhan dan rungutan rakyat mengenai harga tambang tiket penerbangan yang tinggi serta di luar kemampuan terutamanya semasa musim perayaan.
3. Untuk makluman Yang Berhormat, harga tiket umumnya akan meningkat pada musim cuti dan perayaan disebabkan permintaan yang tinggi untuk tempoh perjalanan yang sama. Hal ini adalah kerana syarikat-syarikat penerbangan menggunakan mekanisme *dynamic pricing* dan menjual tiket berdasarkan *Reservation Booking Designator (RBD)* di mana tiket dijual mengikut bakul harga ("*price buckets*") yang ditetapkan. Melalui mekanisme *dynamic pricing*, tiket dalam bakul harga yang murah akan dijual terlebih dahulu dan harga tiket akan semakin meningkat apabila tiket dalam sesuatu bakul harga itu habis dijual.
4. Bagi menangani masalah harga tiket penerbangan yang tinggi, Kementerian Pengangkutan telah mengadakan perbincangan dengan MAVCOM dan syarikat-syarikat penerbangan domestik bagi memastikan harga tiket penerbangan yang ditawarkan adalah kompetitif. Hasil perbincangan tersebut, syarikat-syarikat penerbangan telah bersetuju untuk menambah kapasiti penerbangan dari semasa ke semasa bergantung kepada permintaan.
5. Selain itu, Jemaah Menteri pada 17 Mei 2023 telah bersetuju untuk melaksanakan bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan sehalu bagi laluan-laluan dari Semenanjung Malaysia ke Sabah/Sarawak sempena perayaan Pesta Kaamatan yang akan disambut pada 30 Mei 2023 dan Hari Gawai pada 1 Jun 2023. Ini melibatkan inisiatif Kerajaan membeli

semua baki tiket penerbangan sehala dari Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak semasa tempoh tiga hari perjalanan sebelum tarikh sambutan kedua-dua perayaan tersebut. Kementerian Pengangkutan dengan kerjasama Batik Air juga akan menyediakan perkhidmatan penerbangan sewa khas (*charter*) bagi laluan Johor Bahru-Sibu memandangkan tiket penerbangan untuk laluan tersebut telah habis dijual.

6. Harga tiket penerbangan sehala bagi setiap penumpang bagi laluan-laluan domestik yang menghubungkan Semenanjung Malaysia dengan Sabah/Sarawak akan ditetapkan sebanyak maksimum RM300 atau mengikut harga sebenar tambang sekiranya harga tiket tersebut kurang daripada RM300. Harga ini tidak termasuk cukai dan fi. Pemberian bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan ke Sabah dan Sarawak sempena musim perayaan ini diharapkan dapat mengurangkan beban kewangan pengguna yang ingin pulang ke kampung halaman untuk tempoh perayaan Pesta Kaamatan/Hari Gawai 2023.

7. Seterusnya, Yang Berhormat Kinabatangan turut bertanya mengenai kekurangan bilangan penerbangan domestik di negeri Sabah terutamanya melibatkan Kota Kinabalu ke Sandakan. Buat masa ini, Malaysia Airlines Berhad, Firefly, dan AirAsia Berhad menyediakan perkhidmatan penerbangan berjadual bagi laluan Kota Kinabalu–Sandakan dengan jumlah kekerapan sebanyak 64 penerbangan seminggu. Jumlah kekerapan ini adalah kurang berbanding sebelum penularan pandemik COVID-19 iaitu sebanyak 78 penerbangan seminggu.

8. Kementerian Pengangkutan sentiasa menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan negara untuk meningkatkan kapasiti penerbangan khususnya di laluan-laluan yang mempunyai permintaan yang tinggi. Syarikat penerbangan akan mengambil kira daya maju komersial (*commercial viability*) untuk meningkatkan kekerapan.

Sekian, terima kasih.